

BAB III

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab tiga penulis akan menganalisis metode penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*¹⁷¹ kitab tulisan Syeikh Tahir. Antara intipati kajian bab ketiga penulis akan mengenalpasti metodologi penulisan kitab Syeikh Tahir bersesuaian mengikut konteks zamannya. Mengikut carian yang dilakukan oleh penulis metode penulisan *Ta'yīd Tadhkirah* masih terbuka untuk diteroka. Penulis melihat kepentingan bab ketiga kerana metode penulisan pada hakikatnya menyerlahkan pemikiran ilmiah pengarang sesebuah kitab sekaligus membuktikan kebolehan dan kewibawaan ulama Melayu silam menghasilkan karya yang bermutu tinggi dan seterusnya memperlihatkan tahap penguasaan yang mendalam terhadap sesuatu ilmu dan hukum Islam.¹⁷² Di samping itu kaedah penulisan yang menarik boleh menjadi antara faktor ia dijadikan bahan kajian dan dijadikan rujukan sebagai bahan pengajaran. Kebanyakan karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh sarjana dan ulama Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu keIslaman seperti dalam bidang fiqh mempunyai kaitan rapat dengan hal-hal kemasyarakatan.¹⁷³

¹⁷¹ Kitab ini boleh dirujuk dalam Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁷² Muhammad Adib Shamsudin et al., "Metod Penulisan Kitab Matla' al-Badrayn Wa Majma' al-Bahrayn," *Jurnal Melayu* (5), (2010), 148.

¹⁷³ Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajian Moral di Zaman Moden," *Jurnal Usuluddin*, bil. 27, (2008), 170.

3.1.1 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk kitab yang dianalisis oleh penulis didalam teks bahasa arabnya ditulis dengan

(تأييد تذكرة متبعي السنة في الرد على القائل بسنية ركعتين قبل الجمعة) ianya terdiri daripada

beberapa kalimah secara umumnya diterjemahkan perkataan berikut kepada :

<i>Ta'yīd</i>	:	Sokongan ¹⁷⁴
<i>Tadhkirah</i>	:	Peringatan ¹⁷⁵
<i>Muttabi'</i>	:	Pengikut ¹⁷⁶
<i>al-Sunnah</i>	:	Sunnah ¹⁷⁷
<i>fi</i>	:	<i>Haraf jar</i> bermakna pada
<i>al-Rad</i>	:	Menolak ¹⁷⁸
<i>'Alā</i>	:	<i>Haraf jar</i> bermakna pada
<i>al-Qā'il</i>	:	Yang berkata bermaksud yang berpendapat ¹⁷⁹
<i>bi</i>	:	<i>Haraf jar</i> bermakna dengan
<i>Sunniyah</i>	:	Sunnah ¹⁸⁰
<i>Rak'atayn</i>	:	Dua Rakaat ¹⁸¹

¹⁷⁴ Rohī Ba'albākī, *al-Mawrid Qāmūs 'Arabī Englizi* (Beirut: Dār al-'Ilmi al-Malāyin, 1993), 265; lihat Ahmad Mukhtar Omar et al., *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (al-Munazimah al-'Arabiyah li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulūm, Larus, t.t.p, t.t), 123.

¹⁷⁵ Rohī Ba'albākī, "*al-Mawrid Qāmūs*," 303; lihat Ahmad Mukhtar Omar et al. *al-Mu'jam al-'Arabī*," 483.

¹⁷⁶ *Ibid.*, 951.

¹⁷⁷ Mohd Rawwas, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'* (Beirut: Dār al-Nafāis, 1988), 2:250-1.

¹⁷⁸ Muhammad Idrīs Abdul Ra'uf al-Marbawī, *Qāmūs Idrīs al-Marbawī* (Mesir: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī Wa Awladuh, 1935), 2:45.

¹⁷⁹ al-Syeikh al-Imām Muhammad bin Abī Bakr bin Abd al-Qādir al-Rāzi, *Muḥktar al-Ṣiḥāḥ* (Beirut-Lubnan: Maktabah Lubnan, 1993), 67.

¹⁸⁰ Mohd Rawwas, "*Mu'jam Lughah*," 250-1.

Qabl : Sebelum
al-Jum'ah : Solat Jumaat¹⁸²

Berdasarkan kajian penulis, terdapat beberapa terjemahan tajuk *Ta'yīd Tadhkirah* yang ditulis oleh beberapa pengkaji. Menurut terjemahan Nik Mohd Rosdi 'Satu Peringatan Kepada Pengikut Yang Berpegang Kepada Sunnah Mengenai Sembahyang Sunat Sebelum Jumaat.'¹⁸³ Manakala menurut Norhayaty Abd Wahid 'Kitab Yang Membicarakan Penolakan Atas Pendapat-Pendapat Yang Mengatakan Sunat Sembahyang Dua Rakaat Sebelum Sembahyang Jumaat'¹⁸⁴ dalam satu terjemahan yang lain 'Kitab Yang Menyatakan Pendapat Atas Pendapat-Pendapat Yang Mengatakan Sunat Sembahyang Dua Rakaat Sebelum Sembahyang Jumaat.'¹⁸⁵ Berdasarkan huraian tajuk yang diberikan oleh beberapa pengkaji di atas, tajuk yang sesuai bagi pendapat penulis adalah terjemahan Nik Mohd Rosdi. Penulis telah menambah beberapa perkataan terjemahan tersebut bagi tujuan mencapai maksud pengertiannya dan memudahkan kefahaman pembaca masakini, 'Peringatan bagi Pengikut-pengikut yang Berpegang kepada Sunnah : Menolak Pendapat Mereka yang Berpegang kepada Sunat Sembahyang Dua Rakaat Sebelum Jumaat.'

¹⁸¹ lihat Sa'di Abū Jib, *Qāmūs al-Fiqhī Lughah Waṣṭilāhan* (Syiria: Dār al-Fikr, 1988), 2:153.

¹⁸² Mohd Rawwas, "Mu'jam Lughah," 250-1.

¹⁸³ Nik Mohd Rosdi, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam *Ilmuan Nusantara* (Kuala Lumpur, Percetakan Zafar Sdn Bhd, 2011), 98.

¹⁸⁴ Norhayaty Abd Wahid, Kajian Ilmiah, "Aliran Pemikiran Modenis: Tumpuan Terhadap Pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 2003), 71.

¹⁸⁵ Mohd Sarim Mustajab, "Sheikh Tahir Jalaludin," 18.

3.1.2 PENGENALAN KITAB

Syeikh Tahir dikenali sebagai seorang tokoh penulis di Alam Melayu.¹⁸⁶ Beliau adalah antara ulama yang banyak menghasilkan karya perundangan Islam iaitu karya-karya dan artikel yang berkaitan dengan syariah, fiqh, falak, ilmu faraid dan tajwid.¹⁸⁷ Penulisan fiqh beliau juga banyak dipaparkan di dalam majalah dan akhbar seperti *al-Imam* dan *al-Ikhwan* untuk menjawab persoalan fiqh masyarakat ketika itu contohnya soalan fiqh berkenaan tuntutan syarak dalam majlis membaca *Maūlūd* yang disiarkan di dalam majalah *al-Imam* pada 1906 M.¹⁸⁸ Di dalam Bahasa Melayu kitab ini diberi judul ‘*Ini Huraian Yang Membakar Taman Persuraian Haji Bakar*’ diterbitkan di Kaherah oleh percetakan al-Marbawiyah pada tahun 1350 H. Kitab *Huraian Yang Membakar* adalah merupakan terjemahan daripada kitab *Ta’yīd Tadhkirah Muttabi’ al-Sunnah fi al-Rad ‘Alā al-Qā’il bi Sunniyah Rak‘atayn Qabl al-Jum‘ah* yang ditulis di dalam Bahasa Arab dan dicetak oleh percetakan Haji Abdullah Muhammad Nur al-Din al-Rawi, Penang pada tahun 1953 M.¹⁸⁹ Ia berukuran 26 cm x 18 cm dan mengandungi 61 halaman bercetak. Ditulis di dalam Bahasa Arab pada awalnya merupakan artikel yang dimuatkan di dalam majalah pengasuh pada tahun 1921.¹⁹⁰ Dalam kajian ini penulis mengkaji kitab asal *Ta’yīd Tadhkirah* yang dicetak oleh percetakan Haji ‘Abdullah Muhammad Nur al-Din al-Rawi, Penang yang boleh didapati di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Antara faktor-faktor penulis memilih untuk mengkaji kitab *Ta’yīd Tadhkirah* di dalam

¹⁸⁶ Mafri Amir, “*Reformasi Islam*,” 99.

¹⁸⁷ Abdul Kadir Muhammad, “*Sejarah Penulisan*,” 78.

¹⁸⁸ *al-Imam*, 17 November 1906, 150.

¹⁸⁹ Bachtiar Djamily, “*Riwayat Hidup*,” 99; Abdul Kadir Muhammad, “*Sejarah Penulisan*,” 85.

¹⁹⁰ Mafri Amir, “*Reformasi Islam*,” 99; lihat Bahas pada Perkara Sembahyang Dua Rakaat kemudian daripada Bang yang Pertama pada Hari Jumaat dalam Majalah Pengasuh, No Ruj: 2006/0036016, (1921), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

versi Bahasa Arab kerana kupasan versi Bahasa Melayu dilihat sangat terikat dengan penggunaan dan tatabahasa Bahasa Melayu klasik yang sukar difahami maksud dan pengertiannya masakini seperti ejaan perkataan سفرة (seperti), توده (tuduh), مول (mula),¹⁹¹ بائك (baik), فول (pula)¹⁹² dan lain-lain lagi. Pembinaan ayat di dalam versi Bahasa Melayu juga dilihat bercampur aduk di antara Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Ini menyukarkan bagi pembaca untuk meneliti dan memahami isi kandungan kitab secara mendalam seperti دغن تياد اي منولق اعتراض همب (*dengan tiada ia menolak 'itiraḍ hamba*) دغن توجيهاات يغ ترتولق (*dengan taūjihāt yang tertolak*)¹⁹³ dan lain-lain lagi. Perbahasan di antara dua kitab juga dilihat sedikit berbeza walaupun tidak begitu ketara di beberapa bab dan tempat sahaja. Terdapat perbezaan dari sudut bentuk gaya bahasa di dalam penulisan Bahasa Melayu. Penulisan unsur-unsur klasik seperti corak penulisan istilah fiqh dan *uṣūl* sukar untuk difahami dan ditemui berbanding penulisannya di dalam Bahasa Arab yang boleh dikaitkan dengan penggunaan tatabahasa, susunan ayat dan istilah-istilah yang berkaitan dengan ilmu fiqh dan *uṣūl*.

¹⁹¹ Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ini Huraian yang Membakar Taman Persuraian Haji Bakar Pada Menyatakan Hukum Dua Raka'at Qabliyyah al-Jumaah* (Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyah 1932), 1.

¹⁹² *Ibid.*, 2-5

¹⁹³ *Ibid.*, 3.

3.2 CATATAN PENGANTAR KITAB

Syeikh Tahir memulakan kitabnya ini menurut kebiasaan yang dilakukan oleh kebanyakan para pengarang dengan lafaz bismillah dan berkhotbah memuji Allah SWT seterusnya berselawat memuji junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabat r.a. Di dalam tulisan catatan pengantar Syeikh Tahir menyatakan kitab ini telah dialih bahasa ke dalam bahasa Arab pada tahun 1931 M bersamaan 1349 H.¹⁹⁴ Pada 5 haribulan Safar 1350 bersamaan 23 Jun 1931 M ketika pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadah Haji Syeikh Tahir berkirim surat kepada Raja Hijjaz dan Nejd. Dalam surat tersebut ia telah memaklumkan bahawa ia telah menyelesaikan satu risalah untuk menolak fahaman yang mengatakan sunat sembahyang dua rakaat selepas azan Jumaat. Syeikh Tahir memperkenalkan dirinya sebagai orang Jawi yang dulunya tinggal di Makkah, berbakti untuk menyebarkan ilmu,¹⁹⁵ berpegang kepada prinsip *işlāh*,¹⁹⁶ seorang pendakwah di Singapura dan Melaka sudah 25 tahun tidak mengunjungi Makkah. Kepada Raja Hijjaz Syeikh Tahir meminta agar diterbitkan risalah tersebut demi kepentingan umat Islam.

Kitab *Ta'yīd Tadhkirah* disusun oleh Syeikh Tahir dengan gaya yang tersendiri. Aplikasinya jelas menggunakan metode perdebatan dan menolak hujjah dalam persoalan hukum solat sunat *qabliyyah* Jumaat. Gaya ini memaparkan latar belakang pendidikan agamanya yang tinggi dan membuktikan keupayaan beliau sebagai seorang sarjana yang

¹⁹⁴ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ini Huraian*," 1.

¹⁹⁵ lihat Mohd Amin Abu Bakar, *Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh dan Falak* (Tesis kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi 2012).

¹⁹⁶ Maksudnya membawa pembaharuan dan perubahan.

mempunyai kepakaran di dalam hukum Islam. Beliau menyusun dengan rangkuman pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang dikuasainya sehingga kitab ini boleh dianggap antara kitab fiqh terbaik yang ditulis oleh Syeikh Tahir.

3.3 MUKADIMAH KITAB DAN PEMBAHAGIAN BAB

Di dalam mukadimah kitab Syeikh Tahir memfokuskan isu perselisihan yang terdapat di dalam kitab terbatas kepada elemen yang tertentu. Menurut beliau :

Sebelum kita memulakan perbahasan kita nyatakan tempat-tempat yang bersalah-salahan padanya supaya terkumpul perbahasan kita pada pada sesuatu yang tertentu¹⁹⁷

Syeikh Tahir telah menetapkan titik perbahasan yang perlu diteliti oleh pengkaji untuk memahami persoalan hukum solat sunat *qabliyyah* Jumaat tanpa menyalahi kaedah perbahasan dan perbezaan pendapat (*khilāfiyyah*). Beliau membuka ruang perbincangan untuk difahami kepada tiga isi utama. Pertama melihat kepada status dalil solat sunat *qabliyyah* Jumaat perlu dianalisa dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mājah dalam kisah Sulaik dan dengan hadis antara tiap-tiap azan itu solat. Kedua keperluan kepada melihat pengertian hadis *marfū'*, konsep hadis *ṣaḥīḥ* dan hadis *shadh*.¹⁹⁸ Ketiga meneliti keadaan solat Jumaat yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad SAW bila disyariatkan. Di dalam perbahasan ketiga Syeikh Tahir melihat

¹⁹⁷ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 2; lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ini Huraian*," 4.

¹⁹⁸ *ibid.*,

keperluan kepada memahami dan meneliti keadaan solat Ibn ‘Umar sebelum dan selepas Jumaat dan kata-kata Imam Bukhāri di dalam kitabnya ‘*Bab keadan Solat sebelum dan selepas Jumaat*’. Menurut Syeikh Tahir ketiga-tiga elemen ini perlu dinilai dan diberi perhatian sewajarnya dalam memahami persoalan hukum yang dibincangkan.

Dari segi stuktur bab di dalam kitab ini hanya dibahagikan kepada 3 bab sahaja. Di dalam bab pertama Syeikh Tahir tidak meletakkan tajuk yang khusus bagi bab tersebut. Beliau hanya meletakkan tanda perkataan *al Bāb al Awwal* sahaja. Ini berbeza dengan bab kedua dan ketiga beliau meletakkan tajuk khusus bagi bab tersebut. Tajuk bab kedua ‘*Pada Menyatakan Hadis Marfū’ dan Ṣaḥiḥ dan Shadh dan yang lain-lain*’. Manakala tajuk bab ketiga ‘*Pada Perkataan Hadis Ibn ‘Umar dan yang lain-lain yang Bersolat Sebelum Jumaat.*’ Ketiga-tiga bab tersebut dikupas dengan teliti dan sempurna dengan mendatangkan hujah dan dalil yang konsisten pada setiap aspek perbahasan dan diakhiri dengan penutup : *Kami Bermohon Allah Mempermudahkannya.*’

3.3.1 HURUF, BENTUK TULISAN, DAKWAT DAN TATABAHASA

Di dalam kitab *Ta’yīd Tadhkirah* terdapat dua muka surat sahaja yang ditulis perkataan *ḥadathnā* yang dicetak menggunakan tulisan khat Diwani Jali. Penggunaan khat ini dilihat dapat menarik minat pembaca meneliti kitab tersebut kerana tulisan khat Diwani Jali mempunyai gaya tulisan yang berbeza dan nilai keseniannya yang indah, unik serta

jelas.¹⁹⁹ Secara keseluruhannya bentuk tulisan atau khat yang digunakan dalam penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* adalah cetakkan tulisan khat Nasakh²⁰⁰ yang ditaip menggunakan taip Arab yang dikatakan dibeli dari Beirut dan Mesir pada ketika itu.²⁰¹ Saiz hurufnya sama iaitu menyamai saiz 16 pada cetakan fonts *Traditional Arabic* dalam penulisan *word*. Gaya penulisan jelas dipengaruhi oleh gaya penulisan kitab Arab klasik, ini kerana seseorang pengarang buku yang mendapat pendidikan Arab sama ada di sekolah pondok tempatan atau di Timur Tengah mereka amat cenderung mengikut cara penulisan dan pemikiran Arab baik dari segi pembinaan ayat atau istilah.²⁰² Kitab ini dicetak dengan menggunakan dakwat hitam bagi keseluruhan kitab. Di dalam penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* terdapat juga pengaruh penulisan syair yang ditulis oleh Syeikh Tahir untuk menyatakan hujjah bagi mentakrifkan hadis *ṣaḥīḥ* menurut beliau :

أولها الصحيح وهو ما اتصل اسناده ولم يشذ ولم يعمل
 يرويه عدل ضابط عن مثله معتمد في ضبطه ونقله

Penulisan berbentuk syair ini dilihat kerana beliau begitu terpengaruh dengan corak penulisan klasik Arab kerana karya-karya sastera dalam bentuk syair berkembang

¹⁹⁹ Khat ini dicipta pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah oleh *khaṭṭat* yang bernama Syahla Pasya pada abad ke-10 H. Ia berbeza dengan khat Diwani kerana terdapat baris-baris dan titik hiasan serta mempunyai bentuk huruf yang lebih besar dan jelas. Dinamakan Jali bererti jelas kerana terdapat kelainan yang jelas dari segi bentuk tulisannya. Digunakan untuk tulisan rasmi diraja dan surat menyurat kepada kerajaan asing. Bentuknya memenuhi kesemua ruang kosong sehingga membentuk satu ciptaan yang tersusun indah, lihat Jenis-jenis Khat-Khat Diwani Jali, <http://jenisjeniskhat.blogspot.com/> dicapai pada 10 Disember 2013.

²⁰⁰ Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 221.

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² *Ibid.*

dengan meluas dalam kesusasteraan Arab klasik.²⁰³ Beliau merupakan seorang ulama yang kreatif dan berkaliber dalam bidang penulisan yang merangkumi tulisan-tulisan ilmiah yang dipersembahkan dalam ilmu pendidikan, kemasyarakatan, politik dan islah dan merangkumi penulisan dalam bidang kesusteraan Islam terutama dalam genre puisi berbentuk syair.²⁰⁴ Terdapat banyak penulisan Syeikh Tahir berbentuk syair antaranya syair bertajuk *Perasaan Pemerhatian*²⁰⁵ yang bertemakan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Syair bertajuk *Renungan*²⁰⁶ yang bertemakan cabaran bagi sebuah perjuangan. Kecenderungan dan minat yang mendalam dalam penulisan sastera Islam menjadikan Syeikh Tahir menjadikan penulisan berbentuk syair sebagai medium terbaik untuk berdakwah. Ini dapat dilihat ramai dalam kalangan pengarang-pengarang Melayu ketika itu cenderung menulis syair untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai Islam.²⁰⁷

Di dalam beberapa muka surat beliau meletakkan nota kaki sebagai panduan bagi pembaca yang kurang memahami sesuatu istilah yang ditulis seperti perkataan *ḥaraj* dan menjelaskan pengertian perkataan tersebut pada nota kaki.²⁰⁸ Walaupun terdapat kesalahan bahasa Arab di dalam perkataan dan penulisan seperti perkataan *وللمسين* bagi *وللمسلمين*, perkataan *الجمعة* bagi *الجمه*, perkataan *ق بل* bagi *قبل*, perkataan *النوءي* bagi

²⁰³ Ismail Hamid, *Syair mengenai Ilmu Agama dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional, Sari II* (1993), 3.

²⁰⁴ Mohd Amin Abu Bakar, "*Sumbangan Syeikh*," 90.

²⁰⁵ Syair-syair ini boleh dirujuk dalam Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, No Ruj : 2006/0035749, t.th, 5, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Ismail Hamid, "*Syair Mengenai*" 6.

²⁰⁸ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 16.

النواوي dan lain-lain lagi. Kesalahan perkataan dan tulisan di dalam Bahasa Arab ini secara umumnya tidak mencatitkan perbahasan kitab secara keseluruhannya. Bagi perkataan yang salah Syeikh Tahir telah memperbaiki kesalahan tersebut dengan meletakkan lampiran dibahagian belakang kitab. Terdapat 91 kesalahan perkataan Arab yang telah dibaiki untuk memudahkan pembaca merujuk kembali kesalahan tersebut agar ianya dapat difahami dengan mudah tanpa ada kekeliruan yang terdapat di dalam kitab tersebut.²⁰⁹

Dalam sesuatu perbahasan, apabila menyenaraikan nama kitab yang dijadikan rujukkan Syeikh Tahir meletakkan nama kitab tersebut beserta halaman dan juzuk kitab yang dirujuk. Penulis melihat di dalam kebanyakan perbahasan yang dibincangkan beliau menyenaraikan isi-isi penting bagi sesuatu perbahasan dengan meletakkan bilangan nombor mengikut turutan. Isi-isi utama tersebut dijadikan rumusan bagi pembaca supaya kekuatan hujah dan dalil yang diketengahkan boleh dinilai dan difikirkan secara rasional oleh pembaca. Terdapat juga di akhir beberapa perbahasan Syeikh Tahir dilihat meletakkan perkataan *khulāṣah* iaitu kesimpulan yang dapat dirumuskan dengan mendatangkan hujah serta dalil bagi menyokong perbahasan yang telah dianalisa oleh beliau.²¹⁰

²⁰⁹ Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yīd Tadhkirah*,” 1.

²¹⁰ *Ibid.*, 15-16

3.3.2 BARIS DAN NOMBOR HALAMAN

Pada percetakan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* ditulis 26 baris pada tiap-tiap halaman. Nombor halaman pula ditulis dibahagian atas dengan angka arab yang mempunyai kurungan. Kualiti bagi kertas yang dicetak pada ketika itu adalah penting ianya mestilah permukaan yang licin, warna yang baik, rata dari segi teksturnya dan agak legap²¹¹ supaya dakwat tidak telus atau tidak kelihatan apabila kedua-dua halaman digunakan.²¹² Kebanyakan buku yang dikeluarkan oleh Syarikat Bumiputera ketika itu menggunakan kertas bergred rendah termasuklah kertas *newsprint*. Kertas jenis ini menggunakan kadar campuran kayu mekanikal dan sulfat yang sangat tinggi atau menggunakan pulpa kayu kimia, dan ia mudah kehilangan warna.²¹³ Dalam sesuatu halaman muka surat kebiasaannya terdapat antara 2-3 atau 3-4 perenggan yang ditulis dan dibahaskan secara teratur dan sistematik mengikut perbincangan tajuk. Secara keseluruhannya penulis berpendapat metode penulisan di dalam *Ta'yīd Tadhkirah* masih mengikut standard penulisan yang teratur dan tersusun mengikut baris, perenggan dan nombor halaman.

3.4 OBJEKTIF PENULISAN

Melalui pemerhatian penulis, penampilan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* dilihat agak ringkas tetapi perbahasannya mencakupi setiap dimensi perbahasan dan dikupas dengan teliti bersesuaian mengikut konteks zamannya. Ini kerana Syeikh Tahir dalam melontarkan

²¹¹ Legap bermaksud tidak dapat dilintasi oleh cahaya, batu, kayu dan lain-lain, lihat "*Kamus Dewan*," 909, entri legap.

²¹² lihat Md. Sidin Ahmad Ishak, "*Penerbitan dan Percetakan*," 235.

²¹³ *Ibid.*

idea dan pendapatnya menulis dengan ringkas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca seperti beberapa penulisan beliau yang lain huraiannya dilihat terlalu ringkas seperti dalam *pembahasan solat Jumaat diiringi Zohor dan ma'āshir al-muslimīn* yang ditulis tidak melebihi satu muka surat. Pembahasannya diringkaskan kerana pembaca boleh membacanya dengan lebih lanjut dalam karya beliau yang lain.²¹⁴ Kitab *Ta'yīd Tadhkirah* bermula dengan kata-kata dari Syeikh Tahir menyatakan kepentingan penulisan adalah untuk menerangkan solat sunat *qabliyyah* Jumaat selepas azan yang pertama itu adalah *bid'ah*²¹⁵ daripada *bid'ah-bid'ah* yang telah menjadi ikutan masyarakat awam semenjak sekian lama dan dipelopori oleh golongan yang mendakwa mereka orang-orang yang berilmu, menurut Syeikh Tahir :

*Kemurahannya kepada hamba mengarang satu karangan yang ringkas, pada menyatakan keadaan sembahyang yang dua rakaat di dahulu daripada Jumaat itu bid'ah daripada beberapa bid'ah yang diada-adakan oleh berpanjangan masa hingga disukai akan dia oleh orang awam dan digemari akan dia oleh orang yang terbangsa kepada ahli ilmu dan hamba namakan karangan itu Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qā'il bi al-Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah.*²¹⁶

Syeikh Tahir tidak bermaksud menulis kitab tersebut untuk bermegah-megah dan berbangga dengannya. Kecenderungan beliau menulis semata-mata untuk kepentingan agama dan masyarakat rata-ratanya keliru dengan isu solat sunat *qabliyyah* Jumaat. Dengan jelas Syeikh Tahir menyatakan antara objektif utama penulisan kitab *Ta'yīd*

²¹⁴ Mohd Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh," 158.

²¹⁵ Terdapat beberapa takrif *bid'ah* dari segi syarak antaranya ialah membuat sesuatu yang tidak ada. Kebiasaannya perkara *bid'ah* itu bercangah atau berlawanan dengan syariat sama ada menambah, dan mencipta sesuatu yang berlawanan dengan al-Qur'ān, al-Sunnah atau *ijma'*. Maka *bid'ah* ini tidak dibenarkan oleh Syarak, lihat Jawiah Dakir et al., *Sunnah dan Bida'ah dalam Amalan Orang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 24.

²¹⁶ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 1; Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ini Huraian*," 2.

Tadhkirah adalah untuk memberi nasihat kepada masyarakat supaya kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dengan meninggalkan amalan-amalan yang tidak bersumberkan kepada dalil. Ia menjadi kewajipan bagi beliau untuk menjelaskan sesuatu persoalan hukum serta mengekang kekeliruan dalam kalangan masyarakat yang kurang memahami isu solat sunat *qabliyyah* Jumaat.²¹⁷ Menurut Syeikh Tahir :

Adalah yang mengerakkan hamba kepada yang demikian ialah kewajipan menunaikan nasihat kerana Allah dan RasulNya dan bagi sekalian orang Islam bagaimana yang telah wārid ḥadith yang ṣahih dan harapkan mendapat pahala yang dijanjikan oleh Ṣāhib al-Shari'ah SAW bagi orang yang menghidupkan sunnahnya yang telah mati, dan sesungguhnya tiadalah hamba menyegaja dengan karangan itu menzahirkan diri atau bermegah-megah²¹⁸

Kewajipan dan tanggungjawab sosial ini dianggap perkara yang perlu ditangani segera oleh Syeikh Tahir kerana perkara-perkara *furū'* ini mempunyai nilai-nilai yang sensitif disisi sesetengah pihak jika persepsi terhadapnya tidak diuruskan dengan betul.²¹⁹ Beliau bimbang dengan situasi dan konflik mengelirukan yang wujud dalam fahaman masyarakat ketika itu. Syeikh Tahir merasakan masyarakat perlu diberi penjelasan yang sewajarnya terhadap isu tersebut agar mereka tidak melakukan kesalahan di dalam perkara yang berkaitan dengan ibadah dan tidak terjerumus kepada unsur-unsur *bid'ah*.²²⁰ Di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* tanggungjawab ini dikenali sebagai

²¹⁷ *Ibid.*, 3.

²¹⁸ *Ibid.*, 1.

²¹⁹ Saadan Man et al., "Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab selain Shafi'i dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal," *Jurnal Fiqh*, no. 6, (2009), 23.

²²⁰ Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia* (Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2010), 114; lihat Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, *Risalah Penebas Bid'ah - bid'ah di Kepala Batas* (Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu, t.t), 22.

farḍu kifāyah yang membawa konsep kewajipan khusus yang mesti dilaksanakan oleh orang yang memikulnya demi memelihara kestabilan ummah.²²¹

3.5 LATAR BELAKANG DAN KANDUNGAN KITAB

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Tahir di Makkah dan dikeluarkan di Pulau Pinang melalui Matba'ah Haji Abdullah Haji Mohammad Nordin al-Rāwi tahun 1953 M.²²² Beliau adalah seorang penjual buku yang berasal dari Sumatera dan menetap di Pulau Pinang. Kerjayanya bermula sebagai penjual buku dan egen pengedaran buku pada awal tahun 1927.²²³ Percetakan kitab pula dicetak oleh percetakan Zi United Press yang menjalankan operasi percetakkanya di Pulau-Pinang.²²⁴ Pada dasarnya kitab ini merupakan kitab yang membahaskan persoalan *khilāfiyyah* yang merujuk kepada hukum berkenaan solat sunat *qabliyyah* Jumaat.

Kandungan utama kitab adalah perkara *furū'* agama atau disebut sebagai isu *khilāfiyyah* di antara dua tokoh ulama yang mempunyai pandangan dan pemikiran yang berbeza mengenai isu solat sunat *qabliyyah* Jumaat. Ia merupakan polemik²²⁵ di antara

²²¹ Ammar bin Fadzil, Kepentingan Penguasaan Uṣūl Fiqh: Satu Analisis Umum, Prosiding Seminar Kebangsaan Uṣūl Fiqh Sufi 2004 (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, 2004), 27.

²²² Nik Mohd Rosdi, "Syeikh Muhammad Tahir," 98.

²²³ Md. Sidin Ahmad Ishak, "Penerbitan dan Percetakan," 221.

²²⁴ Tempat dan alamat bagi percetakan Zi United Press, 29E Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang. Terdapat kitab dan majalah lama dicetak dengan percetakan Zi United Press seperti Tuan Guru Haji Yusof Rawa Majalah *al-Iṣlāh*, Pulau Pinang dan Syeikh Muhammad Daud bin Sulaiman al-Kelantani *al-Luqaṭah al-Badī'ah al-Mukhtāṣarah fi Manāsik al-Ḥaj Wa al-'Umrah*.

²²⁵ Maksudnya perbahasan, perdebatan, perbantahan dalam rencana atau tulisan di dalam surat khabar, majalah dan lain-lain, lihat "Kamus Dewan," 1221, entri polemik.

Ustaz Haji Abū Bakar al-Mūari sebagai benteng Kaum Tua²²⁶ dan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari sebagai pelopor pergerakan Kaum Muda. Walaupun Syeikh Tahir adalah sahabatnya yang sama-sama belajar di Makkah namun pendapat keduanya adalah berbeza.²²⁷ Persoalan dan percanggahan pendapat melibatkan ikhtilaf fiqh dalam perkara *furū'* diperkatakan dengan hebat pada ketika itu. Tahun 1920 M hingga penghujung 1930 M merupakan detik penting untuk melihat betapa seriusnya persengketaan antara Kaum Muda dan Kaum Tua.²²⁸ Solat sunat *qabliyyah* Jumaat turut menjadi isu dan polemik yang dianggap sebahagian daripada amalan sunat oleh Kaum Tua setelah mengkiaskannya dengan solat Zohor. Walau bagaimanapun pandangan itu ditolak oleh ulama Kaum Muda. Ini dapat dibuktikan apabila Ustaz Haji Abu Bakar bin Haji Hassan Kadi Muar menghasilkan karya dengan membantah dan mempertahankan pegangan ulama Kaum Tua menerusi karyanya yang berjudul *Taman persuraian*²²⁹ yang menyokong hujah sunat solat *qabliyyah* Jumaat. Selepas itu Ustaz Haji Abu Bakar menyusun sebuah risalah bertajuk *Taufan Yang Memalau Atas Huraian Haji Tahir Al-Minangkabawi*.²³⁰ Ia merupakan jawapan kepada karya Syeikh Tahir yang berjudul *Ini*

²²⁶ Nama lengkapnya ialah Haji Abu Bakar bin Haji Hasan al-Mūari bin Haji Ahmad bin Anggak bin Datuk Sijo Bukit Moh, Muar Bandar Maharani, Johor. Beliau dilahirkan pada tahun 1292 H / 1875 M dan meninggal pada tahun 1357 H / 1938 M. Beliau berada di Makkah selama 34 tahun untuk menuntut ilmu dan pulang ke tanah air pada tahun 1915 M. Bekas *Qādi* Muar dan pernah menjadi Mufti Johor selama seminggu sahaja. Abu Bakar al-Muari adalah pengasas Madrasah al-‘Arabiyyah al-Khairiyyah di Muar. Di antara murid beliau ialah Ustaz Muhammad Yasin iaitu ayah kepada Tan Sri Muhyiddin Yasin, sekarang Timbalan Perdana Menteri Malaysia, lihat Wan Mohd Shagir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara Jilid 1* (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah, 2004), 10-11.

²²⁷ *Ibid.*, 11-12.

²²⁸ Mohd Sarim Haji Mustajab, Gerakan Islah Islam di Tanah Melayu 1906 hingga 1948, dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), 124.

²²⁹ Karya ini ditulis pada 6 Ramadan 1346Hijrah/1927M di Muar, Bandar Maharani.

²³⁰ Karya ini diselesaikan 10 Rabiulawal 1351 H / 1932 M dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama Maṭba'ah al-Jamīliyyah, Muar 1351 H / 1932 M. Kandungannya adalah merupakan polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minangkabawi tentang solat sunat *qabliyyah* Jumaat.

*Huraian Yang Membakar Taman Persuraian Haji Bakar.*²³¹ Kenyataan Ustaz Haji Abu Bakar jelas menolak pendapat Syeikh Tahir yang menyatakan solat sunat *qabliyyah* itu adalah *bid'ah*.²³² Beliau bukan sahaja menolak pandangan Syeikh Tahir tetapi turut mencela Syeikh Tahir dengan cara yang tidak sepatutnya dengan tidak mematuhi adab berilmu serta tidak mengikut etika dan adab berbahas dalam hukum Islam.²³³

Kandungan penulisan kitab juga adalah untuk menjawab hujah, kritikan serta dalil yang dibawa oleh Ustaz Haji Abu Bakar di dalam karyanya *Taman Persuraian*. Setiap sanggahan dan kritikan dibahaskan dengan teliti dan disertakan dengan hujah serta dalil bagi menyokong pegangan beliau serta menolak sanggahan yang dinyatakan oleh Ustaz Haji Abu Bakar.²³⁴ Di dalam menolak hujah yang dinyatakan oleh Ustaz Haji Abu Bakar, Syeikh Tahir turut menyertakan halaman muka surat di dalam risalah *Taman Persuraian* dan menyatakan jawapan dari soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ustaz Haji Abu Bakar menurut Syeikh Tahir :

*Telah berkata di dalam muka surat yang ke 39 dari risalahnya jawapan dari soalan yang ke 17 apa yang dinyatakan*²³⁵

Di dalam kebanyakan perbincangan, penulis berpendapat Syeikh Tahir dilihat sangat berhati-hati dan teliti apabila mendatangkan hujah dan dalil. Setiap dakwaan dan sanggahan dijawab oleh Syeikh Tahir dengan kritikan yang bernas dengan

²³¹ Karya ini di tulis di Kaherah pada 1349 H / 1932 M dicetak oleh percetakan al-Marbawiyah

²³² Mustaffa Abdullah, *Rasyid Ridhā Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2009), 181.

²³³ Mohd Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh," 102.

²³⁴ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "Ta'yīd Tadhkirah," 57.

²³⁵ *Ibid.*, 32.

mendatangkan rujukan yang lengkap dan konsisten. Bagi beliau kekuatan dalil mesti dilihat dari kedua-dua sudut huraian perbincangan dan seseorang ilmunan itu perlu mempunyai kelayakan dan ilmu pengetahuan yang maksimum untuk menilai kekuatan dalil yang dipersembahkan.²³⁶ Kritikan-kritikan yang dilontarkan oleh Syeikh Tahir bukan sahaja menjadi perdebatan hangat dalam masyarakat tetapi juga mendapat tentangan hebat daripada kelompok ulama Kaum Tua pada ketika itu. Ini kerana amalan-amalan yang dikritik oleh beliau telah lama dipraktikkan dan diamalkan oleh masyarakat setempat. Mereka telah mengamalkan berdasarkan apa yang dipelajari dari guru-guru mereka dalam tempoh masa yang lama. Tulisan dan sanggahan Syeikh Tahir yang dituangkan melalui karya-karya beliau telah menimbulkan kejutan dalam masyarakat dan menyebabkan kebanyakan mereka agak sukar menerimanya. Syeikh Tahir juga telah dituduh cuba membawa ajaran Islam yang baru²³⁷ bertentangan dengan amalan-amalan telah lama dipraktikkan di dalam masyarakat Melayu.

Konflik dan perbezaan pendapat yang berlaku di antara dua aliran fahaman ini dapat dilihat realitinya di dalam masyarakat ketika itu apabila dalam kalangan Kaum Tua melakukan solat *qabliyyah* Jumaat sebaliknya Kaum Muda meninggalkannya.²³⁸ Kesan daripada perkembangan perbezaan pendapat yang terjadi di antara kedua-dua antagonis ini maka terdapat beberapa buah karya *khilāf* telah muncul dalam persuratan

²³⁶ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yīd Tadhkirah*,” 44.

²³⁷ Mohd Amin Abu Bakar, “*Sumbangan Syeikh*,” 158.

²³⁸ Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia* (Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2010), 114 ; lihat Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, “*Risalah Penebas*,” 22.

Melayu seperti kitab *Penebas Bida'ah Kepala Batas* yang ditulis oleh Sheikh Tahir.²³⁹ Pada hakikatnya, bukanlah satu perkara yang membahayakan umah terutama apabila menyentuh tentang perkara *furu'* atau *uṣūl* yang bukan bersifat fundamental.²⁴⁰ Ia menjadi bahaya apabila tidak diuruskan dengan betul sehingga menimbulkan perpecahan dan permusuhan seperti yang dilarang oleh Allah.²⁴¹

3.6 UNSUR-UNSUR KLASIK DI DALAM PENULISAN

Setiap mazhab fiqh memiliki istilah khusus yang digunakan bagi menjelaskan sesuatu hukum. Terkadang istilah sesuatu mazhab memiliki pengertian sama dengan mazhab lain.²⁴² Di dalam penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* terdapat unsur-unsur kebahasaan, samada tentang *uslubnya* (gaya bahasa) atau *tarkibnya* (susunan ayat) yang berkait dengan metode penulisan klasik fiqh dan *uṣūl*. Terdapat istilah-istilah perkataan yang boleh dikaitkan dengan istilah fiqh dan *uṣūl* dan corak ini biasa dilihat dan ditulis di dalam kitab-kitab klasik fiqh dan *uṣūl*.²⁴³ Kedua-dua ilmu ini dilihat mempunyai perkaitan dan hubungan yang rapat serta saling lengkap-melengkapi dengan kefahaman

²³⁹ Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Fiqh Shafi'i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia* dalam Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa V, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2007).

²⁴⁰ Bermaksud bersifat dasar, sangat penting, asas, pokok, lihat “*Kamus Dewan*,” 418, entri fundamental.

²⁴¹ Saadan Man, Menagani Iktilaf di Malaysia Menerusi Penghayatan Fiqh al-Maqāsid, dalam *Maqāsid al-Shari'ah* ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid et. al., (Gombak: Penerbit UIAM, 2012), 227-8.

²⁴² Ahmad Sarwat, *Seri Fiqh Kehidupan 1: Pengantar Ilmu Fiqih* (Jakarta Selatan: DU Publishing, 2011), 189.

²⁴³ Pendekatan kepada perkataan, tatabahasa, istilah dan gaya bahasa fiqh ini boleh dilihat perbahasannya dalam Maryam Mohd Saleh Zāfirī, *Muṣṭalāhāt al-Madhhab al-Fiqhiyyah Wa Asrar al-Fiqh al-Marmūz fi al-'Ilām Wa al-Kutub Wa al-Ara' Wa al-Tarjihāt* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2002), 221-255.

dalam menentukan corak fiqh.²⁴⁴ Bahkan fiqh merupakan produk dari *uṣūl al-fiqh* yang merupakan alat yang menyediakan pelbagai kaedah dan sistem penentuan hukum berdasarkan dalil-dalil *naqlī* mahupun *‘aqlī*.²⁴⁵

3.6.1 UNSUR-UNSUR KLASIK FIQH

Berdasarkan kajian penulis, tidak banyak terdapat penulisan di dalam karya atau kitab tulisan Arab yang ditulis oleh ulama dan sarjana Melayu yang mengaitkan pendekatan unsur-unsur klasik fiqh dan *uṣūl*. Hal keadaan ini berbeza dengan penulisan Syeikh Tahir yang mempunyai unsur-unsur penulisan klasik corak lama dari sudut perkataan, tatabahasa, istilah dan gaya bahasa. Fakta ini dilihat, seseorang yang mendapat pendidikan Arab sama ada di sekolah pondok tempatan atau di Timur Tengah mereka cenderung mengikut cara penulisan dan pemikiran Arab baik dari segi pembinaan ayat atau istilah.²⁴⁶ Dalam kitab *Ta’yīd Tadhkirah* di dalam membahaskan persoalan fiqh pengaruh dan corak penulisan kitab-kitab fiqh mazhab Shafi’i dapat dikesan seperti corak tulisan yang terdapat di dalam kitab *Qalyūbī Wa ‘Umaīrah* tulisan Syeikh Shihāb al-Din al-Qalyūbī dan Syeikh ‘Umairah serta kitab *Mughnī al-Muhtāj* tulisan Syeikh al-Khātīb al-Sharbīnī mazhab Shafi’i. Ini kerana kedua-kedua kitab tersebut menjadi sumber rujukan utama di dalam kitab *Ta’yīd Tadhkirah* apabila membahaskan persoalan solat sunat *qabliyyah* Jumaat.

²⁴⁴ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran*, dalam *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini* ed. Paizah Hj. Ismail et. al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malays, 2000), 4.

²⁴⁵ Nazar Bakry, *Fiqh dan Uṣhūl Fiqh* (Jakarta: Rajawali Pers, 1993), 23.

²⁴⁶ lihat Md. Sidin Ahmad Ishak, “*Penerbitan dan Percetakan*,” 221.

Antara pengaruh istilah fiqh yang dapat dikesan, terdapat penulisan istilah *al-Mashhur* yang bermaksud pendapat yang *rājih* daripada *aqwāl* imam Shafi'i apabila *khilāf* di antara *aqwāl* tersebut *da'īf* (lemah), maka yang *rājih* dari *aqwāl* imam Shafi'i. Di antara *aqwal* tersebut dinamakan dengan *mashhur* atau ianya sebagai pendapat yang paling terkenal yang diikuti oleh orang ramai di dalam mazhab Shafi'i.²⁴⁷ Terdapat istilah *al-Ṣahīh* merujuk kepada satu pendapat yang *rājih* dalam kalangan ulama Shafi'i sekiranya *khilāf* di antara pendapat-pendapat tersebut adalah *da'īf* maka pendapat yang muktamad dinamakan dengan *sāhīh*.²⁴⁸ Terdapat juga istilah perkataan *al-'Aṣhāb* yang bermaksud ulama-ulama Shafi'i yang menyandarkan kajian analisis mereka kepada mazhab Shafi'i dan mengeluarkan pandangan berdasarkan asas *uṣūl al-fiqh* mazhab dan mengistinbat hukum berdasarkan kaedah yang ditetapkan. Sebahagian dari mereka akan berijtihad sekiranya mereka tidak mendapatinya dari asal samada mereka dari kalangan anak murid imam Shafi'i yang sezaman dengannya atau mereka yang tidak sezaman dengannya sehingga ke hari ini.

Penggunaan istilah *al-Madhhab* juga digunakan merujuk kepada pendapat yang *rājih* ketika *khilāf* dalam kalangan ulama-ulama Shafi'i dalam menghikayatkan mazhab dengan sebutan mereka samada satu jalan atau banyak. Terdapat istilah *al-Qadīm* merujuk kepada pendapat lama bagi imam Shafi'i²⁴⁹ yang berdasarkan kepada sumber

²⁴⁷ lihat Maryam Mohd Sāleh Zāfirī, "*Mustalāhāt al-Madhāhib*," 270; Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Istilah-Istilah Fiqah dan Uṣūl: Empat Mazhab* (Subang Jaya: OMR Press Sdn. Bhd, c.2, 2013), 353-355.

²⁴⁸ lihat Maryam Mohd Sāleh Zāfirī, "*Mustalāhāt al-Madhāhib*," 272.

²⁴⁹ Nama asal imam Shafi'i ialah Imam Abū Abdullah Muhammad bin Idrīs bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Shafi'i. Nasab imam Shafi'i bertemu dengan nasab Rasulullah SAW pada titik 'Abd al-Manaf. Beliau berbangsa Quraisy dan berketurunan Nabi Muhamad SAW. Mengikut pendapat *jumhūr* ulama, Imam Shafi'i dilahirkan pada tahun 150 H, lihat Ahmad Nahrawi Abdul Salam al-Indunisi, *Ensiklopedia Imam Syaifi'i*, (Jakarta: Penerbit Hilmah, 2008), 1-12; lihat Mat Saad Abd Rahman, *Penulisan Fiqh al-Shafi'i*

kajiannya dari al-Qur'ān, hadis Nabi atau *nāṣ-naṣ* lain ketika berada di Iraq pada zaman pemerintahan Khālifah Harun al-Rasyid.²⁵⁰ Kesemua istilah fiqh ini ditulis di dalam kitab Syeikh Tahir yang menggambarkan pengaruh dan pengamatan hukum Syeikh Tahir dalam metode penulisan yang mempunyai unsur-unsur penulisan fiqh klasik mazhab yang terdahulu.

3.6.2 UNSUR-UNSUR KLASIK *UṢŪL AL-FIQH*

Pengaruh corak penulisan klasik *uṣūl al-fiqh* juga dapat dikesan di dalam penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah*. Terdapat istilah-istilah pendek yang mewakili corak klasik di dalam perbincangan kitab. Metode perdebatan di dalam penulisan kitab ini menggunakan pendekatan dengan gaya bahasa, perkataan dan istilah di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* seperti membahaskan pandangan yang lemah dalam mazhab. Ini dapat dikesan apabila beliau menggunakan istilah *qīl*. Perkataan *fain qīl*²⁵¹ yang memberi pengertian bahawa pandangan seumpama ini adalah lemah di dalam mazhab Shafi'i dan satu petunjuk di situ terdapatnya perbezaan pendapat.²⁵²

Di dalam penulisan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* apabila menyandarkan sesuatu hukum Syeikh Tahir dilihat sering menyandarkannya kepada istilah perkataan *'Aṣhābunā*. Menurut beliau *'Ammā al-'Ahkam faqāla 'Aṣhābunā* adapun perkataan

Pertumbuhan dan Perkembangannya (Bangi: Ikatan Studi Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983), 3-8.

²⁵⁰ Taqiyuddin Abū Bakar bin Muhammad al-Husāinī, *Kifāyah al-Akhyār* terj. Syarifuddin Anwar et. al., (Surabaya: CV. Bina Iman, 1995), 1: ix.

²⁵¹ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 38.

²⁵² Maryam Mohd Sāleh Zafīrī, "*Musthālahat al-Madhāhib*," 256.

'*Aṣḥābunā* ini bermaksud istilah yang digunakan di dalam mazhab Hanafi merujuk kepada Imam Abu Hanifah, Abū Yūsuf dan Muhammad al-Shaibānī.²⁵³ Penulis juga mendapati banyak istilah *al-'Aṣḥāb* digunakan untuk menyokong sesuatu perbincangan hukum contohnya :

Telah bersepakat al-'Aṣḥāb adalah tegahan solat itu

*Telah berkata Syeikh Abu Hamid dan al-'Aṣḥāb*²⁵⁴

Maksud *al-'Aṣḥāb* sahabat-sahabat iaitu dimaksudkan mereka yang terdahulu '*Aṣḥāb al-Aujuh* pada *ghālibnya* dan mereka dari kalangan 400 tahun ke bawah. Mereka juga digelar *al-Mutaqaddimun* kerana mereka dekat dan hampir dengan kurun yang disaksikan kebaikan.²⁵⁵ Terdapat penggunaan istilah *al-Muṣannif* ditulis di dalam kitab seperti *sepertimana yang disebutkan oleh al-Muṣannif*.²⁵⁶ Istilah *al-Muṣannif* ini merujuk kepada Imam Ibn Hajar 'Asqalānī berdasarkan apa yang ditulis oleh beliau di dalam kitab. Menurut Syeikh Tahir :

Telah berkata al-Muṣannif iaitu Ibn Hajar al-'Asqalānī

Berdasarkan pemerhatian penulis kitab penulisan Syeikh Tahir mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam penulisan Arab klasik corak lama. Dalam berhujjah beliau menggunakan istilah perkataan seperti *faqīla*, *qulta*, *qultu*, *qulnā*, *naqalnā*, dan

²⁵³ Ahmad Sarwat, Lc, *Fiqh dan Syari'ah*, (Jakarta Selatan: DU Center, t.t), 2:86.

²⁵⁴ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 7.

²⁵⁵ Zulkifli Mohamad al-Bakri, "*Istilah-Istilah*," 304.

²⁵⁶ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 7.

qaulunā.²⁵⁷ Kesemua istilah ini mempunyai gaya penulisan dan pengaruh daripada kitab *uṣūl* klasik yang terdahulu.²⁵⁸ Pendekatan ini dilihat bersesuaian dengan penulisan Syeikh Tahir yang mempunyai unsur-unsur perdebatan, kritik dan menjawab hujah yang mana kaedah ini ditulis oleh fuqaha *ṭarīqah al-mutakallimin* terdahulu yang menggunakan gaya dialog atau perdebatan ilmiah.²⁵⁹ Ungkapan yang sering kita temui apabila sesuatu hujah itu dapat dipatahkan melalui perdebatan dengan menggunakan istilah-istilah tersebut.²⁶⁰ Antara kitab-kitab fuqaha *ṭarīqah al-mutakallimin* yang mempunyai gaya unsur-unsur penulisan ini termasuklah Kitab *Al-Mu'tamad* yang disusun oleh Abdul Husain Muhammad bin 'Ali al-Baṣrī al-Mu'tazilī al-Shafi'i. Kitab *Al-Burhan* disusun oleh Abdul Ma'ālī Abd al-Mālik bin Abdullah al-Juwāinī an-Nasābūrī al-Shafi'i yang terkenal dengan nama Imam al-Haramain. Kitab *al-Muṣtaṣfa* disusun oleh Abū Hamīd Muhammad bin Muhammad al Ghazālī al-Shafi'i.²⁶¹

Pendekatan penulisan corak klasik ini dilihat dapat menyerlahkan ketokohan dan membuka ufuk dan minda keilmuan Syeikh Tahir dan ini adalah pendekatan biasa yang ditulis oleh fuqaha-fuqaha terdahulu apabila mereka berhujah.²⁶² Ini dapat diperhatikan di dalam penulisan kitab *al-Maḥṣul fī al-'Ilmi uṣūl al-fiqh* karangan Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar bin al-Rāzi metode penulisan beliau berbeza dengan kitab-kitab *uṣūl al-fiqh Ṭarīqah al-Mutakallimin* sebelumnya seperti *al-Muṣtaṣfa Min 'Ilm al-Uṣūl*

²⁵⁷ *Ibid.*, 10-12.

²⁵⁸ Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Istilah-Istilah," 335-355.

²⁵⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-Wājiz fī Uṣūl al-fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, c. IV, 1994), 17.

²⁶⁰ lihat Maryam Mohd Sāleh Ṣafīrī, "Musthālahat al-Madhāhib," " 270.

²⁶¹ Ja'far as-Subhani, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmi Wa Adwāruhu*, (Beirut: Dār al-Adhwa', 1999), 450; lihat Jamaluddin 'Athiyyah, *at-Tanzīr al-Fiqhī* (ttp, tp, c. 1, 1987), 17.

²⁶² lihat Maryam Mohd Sāleh Ṣafīrī, "Musthālahat al-Madhāhib," " 255.

tulisan Imam al-Ghazāli dan penulisan kitab *uṣūl* klasik yang lain. Pendekatan kitab *al-Muṣtaṣfa* membentangkan prinsip-prinsip *uṣūl al-fiqh* yang bergabung secara harmonis antara ilmu naqli (*‘ilm al-naqlī*) dengan ilmu akal (*‘ilm ‘aqlī*). Beliau mempersembahkan ilmu *uṣūl al-fiqh* secara tersusun dengan huraianya yang sederhana tidak terlalu panjang sehingga menjemukan pembaca dan tidak terlalu ringkas sehingga menyukarkan penatapnya untuk memahami maksud yang ingin disampaikan.²⁶³ Manakala perbahasan di dalam kitab *al-Maḥṣul* cenderung menggunakan pendekatan perdebatan sehingga pada satu sudut setiap persoalan terdapat berbagai kemungkinan pendapat. Pendekatan ini menjadikan *al-Maḥṣul* menjadi sukar untuk difahami kerana ia memerlukan analisis dan logik yang mendalam bahkan sukar untuk mengetahui yang manakah merupakan pendapat Imam al-Rāzi. Selain itu diakhir perdebatan beliau tidak menyatakan sesuatu kesimpulan yang menjadi asas kepada pendapatnya.²⁶⁴

3.6.3 SUMBER RUJUKAN TA'YĪD TADHKIRAH

Kitab-kitab rujukan kitab *Ta'yīd Tadhkirah* melibatkan kitab-kitab fiqh dan kitab-kitab hadis. Melalui penelitian penulis, kitab rujukan utama adalah kitab *Iḥyā' ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazāli yang membahaskan ilmu berkaitan *taṣāwūf* dan fiqh.²⁶⁵ Dalam menjelaskan persoalan mengenai *bid'ah* Syekh Tahir merujuk kepada kitab *al-'Itiṣām* karangan Abū Ishāq Ibrāhim bin Mūsa bin Muhammad al-Lakhmī al-Shātībī. Beliau

²⁶³ Mohd Fauzi Hamat, *Ketokohan al-Ghazāli dalam Bidang Logik* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 84-89.

²⁶⁴ lihat Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar bin al-Rāzi, *al-Maḥṣul fī al-'Ilmi Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1988).

²⁶⁵ Syekh Muhammad Jamāl al-Din al-Qāsimī al-Dimasqī, *Mutiara Iḥyā' ‘Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam al-Ghazali* terj. Panel Penterjemah (Shah Alam: Illusion Network, 2009), xiii-x1.

antara ulama terawal yang membahaskan dan memperincikan perbahasan prinsip-prinsip *bid'ah*. Kitab *al-'Itisām* merupakan rujukan asasi bagi pengkaji-pengkaji untuk mengetahui isu-isu dan persoalan *bid'ah* yang berlaku di dalam masyarakat pada ketika itu.²⁶⁶ Kitab *al-Bā'ith 'Alā Inkar al-Bid'ah Wa al-hawādith* karangan al-Imam Shihāb al-Din Abī Muhammad Abd al-Rahman bin Ismail bin Ibrāhim dikenali dengan Abī Shāmah al-Shafi'i. Menurut Imam Abī Shāmah adalah menjadi kewajipan kepada seseorang ilmunan apabila berhadapan dengan masalah atau ditanya tentang hukum-hukum hendaklah merujuk kepada dalil-dali al-Qur`ān, hadis-hadis yang *ṣahīh*, amalan sahabat dan orang sesudah mereka pada zaman awal Islam. Jika persoalan itu menepati semua yang disebutkan maka hendaklah dia memberi keizinan dan menyuruh melakukannya. Sebaliknya, jika bercanggah maka hendaklah dia melarang dan menghalang. Dengan itu, dia telah menunaikan amanah dan mengikuti (Sunnah) dan janganlah dia memberi hukum berdasarkan kepada merasakan baik kerana itu bererti dia telah membuat syariat.²⁶⁷

Didalam persoalan fiqh Syeikh Tahir merujuk kepada kitab *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj* yang merupakan salah satu kitab karangan fiqh Syeikh Syams al-Din Muhammad bin al-Khāṭib Shirbīnī yang terkenal. Kitab ini mendapat sambutan yang mengalakkan untuk dijadikan rujukan kerana pengarang menggunakan bahasa yang mudah serta membahaskan satu-satu topik itu dengan menarik. Pandangan fiqh beliau adalah antara yang muktamad dalam mazhab Shafi'i.

²⁶⁶ lihat Abū Ishāq Ibrāhim bin Mūsa bin Muhammad al-Lakhmī As-Shātībī (t.t), *al-'Itisām*, Dār al-Taūhīd, (t.t.p), 4-7.

²⁶⁷ lihat perbahasannya dalam al-Imam Shihāb al-Din Abi Muhammad Abd al-Rahman bin Ismail bin Ibrāhim al-Ma'rūf bī Abī Shāmah al-Shafi'i, *al-Bā'ith 'Alā Inkar al-Bid'ah Wa al-hawādith*, (Makkah: Maṭba'ah al-Nahḍah al-Ḥadīthah, 1981).

Namun begitu, pandangan-pandangan beliau ini dikira muktamad untuk difatwakan jika sekiranya sesuatu masalah itu tidak disentuh dalam karya-karya al-Imam Ibn Hajar al-Haytami, al-Imam Shams al-Din al-Ramlī dan al-Syeikh Zakariyya al-Anṣārī.²⁶⁸ Kitab *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Shrh al-Minhāj fī al-Fiqh ‘Ala Madhhab al-Imām al-Shafi’i* karangan Syams al-Din Muhammad bin Shihāb al-Din Ahmad al-Ramlī. Kitab *Tukhfah al-Muhtāj* merupakan karya agung al-Syeikh al-Imām Ibn Hajar al-Haytamī dalam bidang fiqh. Kitab ini mendapat kedudukan yang paling tinggi sekali di kalangan ulama-ulama yang *muta'akhhirin* apabila ia dianggap rujukan fiqh yang utama di sisi mereka di samping *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj* karangan al-Syeikh Shams al-Din al-Ramlī karangan Imam Ahmad bin Hajar al-Haytamī.²⁶⁹ Kitab *Asna al-Maṭālib Shrh Rāud al-Ṭālib* karangan Zakaria bin Muhammad bin Ahmad Bin Zakaria al-Anṣārī al-Sanikī al-Maṣrī al-Shafi’i. Kitab *al-Majmū’ Shrh al-Muhazzab* karangan Abī Zakariā Mahyyu al-Din Bin Sarf al-Nawāwī. Kitab *Ṣaḥīḥ Muslīm bī Sharh al-Nawāwī*. Kitab *Fath al-Bārī Shrh Saḥīḥ al-Bukhārī* karangan al-Hāfīz Ibn Hajar al-‘Asqalānī. Kitab *Sunan al-Kubrā* karangan Abī Bakar Ahmad bin Hussain bin Alī al-Baihāqī. Kitab *Muṣṭalah al-Ḥadith Ma’rifah Anua’ ‘ilmi al-Ḥadith Li Ibn al-Ṣālāh* karangan al-Hāfīz Abū ‘Amr ‘Uthman bin Abd al-Rahman Shahrāzurī kitab ini merupakan di antara kitab yang terbaik di dalam ilmu *Muṣṭalah*. Pengarangnya menghimpunkan perbahasan karangan al-Khātib al Baghdādī dan ulama sebelumnya.²⁷⁰ Kitab *Subul al-Salām Shrh Bulugh al-Murām Min Jam’i ‘Adillah al-Ahkām* oleh Muhammad bin Ismail bin Ṣolāh

²⁶⁸ Muhammad al-Zuhayli, *Marji’ al-‘Ulum al-Islāmiyyah* (Damsyik: Dār al-Ma’rifah, 1992), 527.

²⁶⁹ Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali, Metode Penulisan Fiqh oleh Nur Al-Din Al-Rānīri dalam Kitab Al-Ṣirāṭ Al-Mustaqīm, *Jurnal Syariah*, j. 17, Bil. 2 (2009), 275.

²⁷⁰ Abū ‘Amr ‘Uthman bin Abd al-Rahman Shahrāzurī, *Ma’rifah Anua’ ‘Ilmi al-Hadith Li Ibn al-Ṣālāh* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 3-20.

al-Amir al-Kahlānī al-Ṣon'ānī. Ia adalah huraian kepada hadis-hadis yang dimasukkan oleh Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī di dalam kitabnya *Bulugh al-Murām*. Ia merupakan koleksi hadis-hadis hukum yang merangkumi perkara-perkara asas di dalam ibadah dan kehidupan. Di dalam koleksi karya-karya Islam kitab ini dimasukkan di dalam kategori fiqh, namun kerana ia banyak mengandungi hadis-hadis Rasulullah SAW ia juga boleh dikategorikan sebagai kitab hadis.²⁷¹

Penulisan Syeikh Tahir di dalam kitab *Ta'yīd Tadhkirah* telah menyerlahkan keilmuan dan kesungguhannya dalam mencari jawapan dan membina hujjah daripada kitab-kitab klasik sebagai sumber rujukan utama. Di samping penguasaan yang mendalam dalam bidang ilmu Nahu, Bahasa, Sastera Arab dan sebagainya, penulisannya dilihat seiring dan selari mengikut kaedah-kaedah syarak. Huraian ini dapat disimpulkan bahawa Syeikh Tahir menyandarkan pemikiran hukum beliau kepada kitab-kitab yang muktabar dalam memahami setiap persoalan *khilāfiyyah* dan perbahasan fiqh. Beliau tidak menafikan sumber rujukan daripada kitab-kitab klasik menjadi satu kepentingan kepada kitab *Ta'yīd Tadhkirah* dan menghargai sumbangan besar yang telah diberikan oleh ulama silam terhadap perkembangan intelektual umat Islam. Bagi beliau, cara terbaik untuk menunjukkan rasa hormat terhadap warisan fiqh ini adalah dengan mengamalkan pendekatan yang dipakai oleh pengarang kitab fiqh dalam usaha menghasilkan sesuatu hukum. Beliau juga merujuk fatwa ulama silam sebagai medium dalam usaha menghasilkan fatwa yang baru²⁷² dan beranggapan bahawa penghormatan

²⁷¹ lihat Muhammad bin Ismail bin Ṣolāh al-Amir al-Kahlānī al-Ṣon'ānī, *Subul al-Salām Shrh Bulugh al-Murām* (Beirut: Dārul Jayl, t.t), 1-10.

²⁷² Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Fiqh Malaysia," 32.

yang diberikan kepada ulama silam dalam menghasilkan karya fiqh klasik bukanlah bermakna mereka maksum. Karya mereka juga perlu dinilai secara kritikal demi untuk mengetahui sama ada pendapat mereka betul atau tidak dan sama ada ia sesuai untuk konteks sesuatu zaman.²⁷³

3.7 PENUTUP KITAB

Di akhir penulisan Syeikh Tahir menzahirkan pegangan beliau dengan menolak sekeras-kerasnya pendapat yang dilontarkan oleh Ustaz Haji Abū Bakar bin Haji Hassan al-Muāri yang mendakwa sunat solat *qabliyyah* Jumaat. Tulisan beliau diakhiri dengan kata-kata terhadap mereka yang berdusta dan mengaitkan sesuatu perkataan yang bukan datangnya dari Rasulullah SAW dengan mendatangkan sepotong hadis²⁷⁴ :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan : Telah bersabda Rasulullah SAW siapa yang berdusta atasku dengan sengaja (iaitu menyebarkan hadis Nabi tanpa memastikan ia sahih terlebih dahulu) maka bersiap-siaplah tempat duduknya di neraka.

Di akhir penulisan Syeikh Tahir banyak merumuskan ulasan dan sanggahan mengenai kekeliruan hujjah serta dalil yang dibawa oleh Ustaz Haji Abū Bakar bin Haji Hassan al-Muāri dalam mempertahankan fahaman sunat solat *qabliyyah* Jumaat. Beliau

²⁷³ *Ibid.*, 32-3.

²⁷⁴ Hadis riwayat *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, *Kitab 'Ahadith al-'Anbia, Bāb Mā Zakara 'An Banī Isrā'il*, no. Hadis 3274; Riwayat *Sunan Tarmīdhī*, *Kitab al-'Ilm, Bāb Mā Jāa Fil al-Hadith 'An Banī Isrā'il*, no. Hadis 2669; Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yīd Tadhkirah*," 47.

juga jelas melahirkan rasa syukur kehadiran ilahi kerana dapat menyempurnakan penulisan ini walaupun sibuk dengan pelbagai tugas dan urusan atas kapasiti beliau sebagai ilmuwan dan tokoh islah dan berasa sangat penat kerana banyak bermusafir tetapi dapat juga menyiapkan penulisan ini dengan sempurna.²⁷⁵

3.8 PANDANGAN ULAMA TERHADAP KITAB & KESARJANAAN

Ketokohan dan keperibadian Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai ilmuwan dan ulama sering disebut dan diperkatakan oleh para sarjanawan dan cendekiawan lain sama ada anak muridnya yang seangkatan dan yang hidup selepas zamannya. Syeikh Tahir menjelaskan di dalam catatan pegantar kitab *Ta'yīd Tadhkirah* ketika mengunjungi Makkah pada bulan Syawal pada tahun 1931 M iaitu selepas pulang dari Padang Arafah beliau telah menyerahkan kitab tersebut kepada ulama-ulama Makkah dan Mesir untuk dibaca dan disemak. Beliau mengharapkan agar para ulama tersebut dapat memberikan pandangan dan kritikan terhadap isi kandungan kitab tersebut.²⁷⁶

Pandangan Syeikh Tahir Jalaluddin mengenai persoalan dan perbahasan di dalam kitab tersebut menjadi lebih mantap apabila ia disokong oleh Rasyid Ridhā di Mesir, dan ulama-ulama lain yang sealiran seperti Syeikh Ṭanṭāwī Jawhārī, Syeikh Muhammad Ahmad al-‘Adāwī, Sayyid Yūsuf bin Sayyid ‘Ali al-Zāwāwī, Syeikh ‘Abd Zāhir Abū al-Samh Imam Masjid al-Haram Makkah, Syeikh Muhammad ‘Abd al-Rāzzaq Hamzah

²⁷⁵ *Ibid.*

²⁷⁶ Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ini Huraian,*” 1; lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta'yīd Tadhkirah,*” 47.

guru Masjid al-Harām, Syeikh Sulayman Abāzah al-Azharī guru Masjid al-Harām, Syeikh ‘Abdullah bin Hassan Qādi Arab Saudi, Syeikh Muhammad Bahjat al-Aytār guru Masjid al-Harām dan *Mūdīr* Ma’had al-‘Ilmi al-Sa’ūdi, Syeikh Muhammad Nur al-Faṭānī iaitu cucu kepada Syeikh Daud Faṭānī, Syeikh Muhammad ‘Uthman al-Rādi, Syeikh Ahmad Yūsuf Qistī al-Banjārī.²⁷⁷ Dalam kajian ini, penulis hanya membawakan komentar yang telah dilontarkan oleh Syeikh Syed Rashid Redhā dalam usaha menyokong hujah yang dinyatakan oleh Syeikh Tahir. Menurut Syeikh Syed Rashid Redhā melalui analisis beliau dalam kitab *Ta’yīd Tadhkirah* menyatakan :

*‘Maka aku telah tetapkan adalah suatu kebenaran di dalam masalah tersebut dengan merujuk kepada dalil-dalil yang ṣaḥīḥ dan menolak perkara shubhat atas dakwaan mereka-mereka yang mendakwa bahawa sunat solat qabliyyah Jumaat’.*²⁷⁸

Syeikh Syed Rashid Redhā secara tegas menegah bertaqlid kepada sesuatu pendapat *ijtihādi* dalam masalah solat sunat *qabliyyah* Jumaat dengan merujuk kepada kata-kata imam Shafi’i, *‘apabila benar hadis itu, maka ia adalah pendapatku,’* bermaksud dalam merujuk dan menilai sesuatu persoalan hukum kajian dan analisis secara komprehensif perlu dilakukan. Beliau mengakhiri komentar tersebut dengan meletakkan tarikh komentar ditulis di Dār al-Mānar, Mesir pada 2 Zulkaedah 1350 H. Syeikh Tahir berterima kasih dan meyanjung tinggi komentar-komentar yang diberikan oleh ulama-ulama tersebut. Dengan merendah diri beliau menyatakan tidak mampu untuk menterjemahkannya kerana ketinggian *uslub* bahasanya dan menyerahkannya

²⁷⁷ Mustaffa Abdullah, “*Rasyid Ridhā*,” 181.

²⁷⁸ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yīd Tadhkirah*,” 58-9.

kepada Ustaz Haji Muhammad Idrīs al-Marbawī²⁷⁹ untuk menterjemahkannya supaya manfaatnya dapat dikongsi bersama-sama pembaca.²⁸⁰ Kebanyakan ulama-ulama yang membaca tulisan Syeikh Tahir bersetuju dengan pendapat yang telah dilontarkan. Mereka berpendapat bahawa solat sunat *qabliyyah* Jumaat merupakan suatu amalan *bid'ah* yang perlu ditinggalkan oleh umat Islam kerana ianya menyalahi apa yang telah dinyatakan oleh oleh Rasulullah SAW dan ajaran Islam.

3.9 KESIMPULAN

Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin adalah seorang tokoh ulama yang berwibawa dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Beliau juga seorang tokoh reformis Islam dunia Melayu yang dihormati dalam kalangan ulama serta masyarakat setempat di alam Melayu. Beliau dilihat berani menegakkan yang hak dan membongkarkan kebatilan sehingga pernah disisihkan oleh golongan Istana dan bangsawan. Justeru, penulis berpendapat berdasarkan keilmuan, kepribadian dan ketokohan serta kekuatan peribadinya, melayakkan beliau digelar seorang yang berpegang kepada prinsip *Muṣliḥ* (Reformis) pada zamannya. Polemik beliau dengan ulama tradisional menjadi suatu pertentangan dan konflik yang diketahui umum ketika itu. Ianya perlu dilihat dari aspek

²⁷⁹Nama beliau ialah Mohamed Idrīs bin Abd al-Raūf. Nama tersebut diambil daripada nama datuknya Idrīs. Beliau lebih dikenali dengan nama 'Idrīs al-Marbawī' perkataan 'al-Marbawī' di hujung namanya adalah mengambil sempena nama dan tempat asal beliau 'Lubuk Merbau.' Sewaktu berumur 4 tahun beliau telah mula menghafaz ayat al-Qur'ān. Dua tahun kemudian beliau telah dihantar oleh bapanya ke Sekolah Misfalah di Kota Makkah yang berhampiran dengan rumahnya untuk menuntut ilmu. Pada usia 10 tahun beliau telah menghafaz 16 juzuk al-Qur'ān, lihat Ahamad Asmadi Sakat dan Latifah Abdul Majid, Kewibawaan Muhammad Idrīs al-Marbawī dalam Memahami Beberapa Manhaj Imam al-Tirmīdhī dalam Kitāb Bḥr al-Mādhi dalam Seminar Serantau Ilmuan Hadis dalam Peradaban di Alam Melayu (Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 12-13; lihat Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1993), 78-83.

²⁸⁰ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ini Huraian*," catatan pegantar.

yang positif kerana senario tersebut menggalakan percambahan pemikiran antara dua aliran pemikiran yang mendominasi pemikiran masyarakat pada masa itu.

Dari sudut pandang yang lain, terdapat pelbagai kesan positif yang terjana dari polemik ini antaranya membawa masyarakat menuju kearah proses pemantapan kefahaman Islam yang selama ini mereka amalkan dalam menghadapi cabaran baru dan peningkatan budaya intelektual di dalam masyarakat.²⁸¹ Idea-idea positif yang dibawa oleh kaum pembaharuan ini tidak dapat dinafikan, terutamanya dalam melahirkan kesedaran politik dan kefahaman Islam terhadap masalah-masalah yang perlu disedari untuk kepentingan umat Islam. Sungguhpun pertelagahan itu berlaku dalam masalah *furu'* agama, tetapi dalam masalah besar tentang kepentingan umat Islam mereka bersatu kemudiannya sehingga mereka menjadi satu *'force'* yang mencorakkan gerakan politik di negara ini untuk mengembalikan identiti Islam ke pangkuan masyarakat.²⁸² Walau bagaimanapun tidak dinafikan peranan ulama reformis dalam merobohkan benteng pemikiran *status quo* akidah, budaya dan politik ini telah membawa banyak kemajuan kepada masyarakat Islam khususnya dalam mencetuskan semangat kemerdekaan dan pengisian-pengisian pemikiran Islam baharu selepas kemerdekaan.²⁸³ Secara keseluruhannya Kitab *Ta'yīd Tadhkirah* hasil karya Syeikh Tahir mempunyai nilainya yang tersendiri, kerana hasil penulisan yang diusahakan oleh beliau dapat diteliti bagaimana corak beliau berfikir dalam menanggapi persoalan hukum Islam.

²⁸¹ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 109.

²⁸² Abdul Halim El-Muhammady, Pengaruh Fiqh Shafi'i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia dalam Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa V, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2007).

²⁸³ Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20* (Kedah: UUM Press, 2011), 102.